

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

8. Dalam situasi kecemasan dan Perintah Kawalan Pergerakan, khidmat percetakan dilihat amat penting bagi penyebaran mesej kepada masyarakat. Bolehkan ianya diberikan pengecualian dalam perintah tersebut bagi tujuan ini?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

8. Kerajaan Negeri menerima dan memakai arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Warta Kerajaan Persekutuan - Peraturan-Peraturan Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) 2020 bertarikh 18 Mac 2020. Kerajaan Persekutuan telah mengeluarkan perintah berhubung pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Antara arahan yang terkandung di dalam PKP adalah penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*).

Kerajaan Negeri berpendapat bahawa perkhidmatan percetakan (kilang atau premis percetakan) adalah tidak tersenarai dalam Jadual Perkhidmatan Perlu tersebut. Sehubungan itu, tiada sebarang aktiviti percetakan dibenarkan untuk dilaksanakan kecuali percetakan surat khabar arus perdana sahaja yang telah diberi kelonggaran oleh MKN. Namun pengedaran dan penjualan adalah tertakluk kepada kawalan pergerakan di bawah PKP. Selain itu, MKN turut memberi pengecualian kepada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) untuk beroperasi. Oleh itu, pengecualian bagi mana-mana perkhidmatan termasuk perkhidmatan percetakan (kilang atau premis percetakan) adalah tertakluk kepada kelulusan oleh MKN.

